



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

FAKULTI REKABENTUK
DAN SENIBINA
FACULTY OF ARCHITECTURE AND DESIGN
فakولتي ريك بنتوق دان سني بينا

Sensasi



<https://frsb.upm.edu.my/penerbitan>

ISSN 1985-4846

www.frsb.upm.edu.my

OGOS 2025 | BIL:53

Pertanian • Inovasi • Kehidupan

ADA APA DI **KAJOETANGAN** (AADK) page 2



THE IMPORTANCE OF
THE WOW FACTOR CONCEPT
IN INDUSTRIAL DESIGN STUDY
page 8

RETHINKING ARCHITECTURE IN A POST-
PANDEMIC WORLD
page 10

KANDUNGAN

01. TINTA KATA DEKAN

ARTIKEL KEPAKARAN

02. Jabatan Senibina Lanskap ADA APA DI KAJAETANGAN (AADK)

08. Jabatan Rekabentuk Perindustrian THE IMPORTANCE OF THE WOW FACTOR CONCEPT IN INDUSTRIAL DESIGN STUDY

10. Jabatan Senibina RETHINKING ARCHITECTURE IN A POST- PANDEMIC WORLD

BERITA

16. BENGKEL RANCANGAN PENGAJARAN SEMESTER PERTAMA BAGI SESI 2025/2026 JABATAN REKABENTUK PERINDUSTRIAN, FRSB

18. LAWATAN AKADEMIK MIDI KE SABAH 2025: MASTER REKA BENTUK DAN INOVASI MENELUSURI INOVASI IDEA DAN JENAMA LOKAL

24. UPM RAIH KEJAYAAN MEMBANGGAKAN DI MARTABAT 2025 (36TH ARCHITECTURAL STUDENT WORKSHOP)

30. FRSB UPM MENYUMBANG BAKTI, MENCERIAKAN BILIK MULTISENSORI MELALUI SENI MURAL

32. KEYNOTE PRESENTATION | ICGT 15 MALANG, INDONESIA

34. INTERNATIONAL LECTURE MOBILITY | MALANG, INDONESIA

36. LAWATAN AKADEMIK KE YOGYAKARTA, INDONESIA

38. UPM AT THE 8th ISSLD 2025 | ADVANCING SUSTAINABLE LANDSCAPE FUTURES

40. FRSB UPM RAIH ANUGERAH KHAS JURI DALAM PROGRAM SEMARAK MERDEKA UPM 2025

44. LAWATAN DELEGASI TIANJIN RENAI UNIVERSITY KE FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA, UPM KUKUHKAN KERJASAMA AKADEMIK ANTARABANGSA

46. WORKPLACE ERGONOMICS TRAINING EMPOWERS STAFF AT FRSB, UPM

48. BELASUNGKAWA

KESS

50. HAPPY BIRTHDAY STAF

Copyright© 2024
Universiti Putra Malaysia Press
ISSN 1985-4846

Disclaimer

All rights reserved. No part of this book may be reproduced in any form without written permission from the publisher, except by a reviewer who wishes to quote brief passages in a review written for inclusion in magazines or newspapers.

SIDANG REDAKSI

Ketua Editor:

Profesor Ts. Gs. Dr. Mohd Johari Mohd Yusof
Dr. Sazrinee Zainal Abidin

Penulis / Penyumbang Bahan

Dr. Suhaila Abdul Rashid
Prof. Madya Ts. Dr Raja Ahmad Azmeer Raja Ahmad Effendi
Ar. IDr. Nor Suhana Noordin
Syarifah Afiqah Syed Ahmad
Dr. Mastura Ishak
Ts. Dr. Nur Hidayah Ahmad
Ts. Raihan Maskuriy
Ts. Dr. Suhaila Abdul Rashid
Madiha Hailani
Prof. Madya Ts. Dr. Velu Perumal
Dr. Azmiah Abd Ghafar

Editor Berita:

Madiha Hailani

Editor Grafik:

Arizy Valentino Ramli
Mohd Ghazali Razak

Media Koordinator:

Uswah Hasanah Raza
Marini Abd. Kadir

layari Laman Sesawang:

<https://frsb.upm.edu.my/penerbitan>

Published by:

Universiti Putra Malaysia Press
43400 UPM, Serdang
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8946 8851/8429
Faxes: 03-8941 6172
Email: penerbit@putra.upm.edu.my



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bismillahirrahmanirrahim

Menghayati Semangat Kemerdekaan ke-68: Membina Masa Depan, Menjulung Warisan

31 Ogos 2025 menandakan sambutan Kemerdekaan Malaysia yang ke-68 - satu angka yang bukan hanya mencerminkan usia, tetapi juga melambangkan kekuatan, kematangan, dan kebijaksanaan sebuah negara yang terus berdiri megah di persada dunia. Dalam suasana yang penuh semangat patriotisme ini, kita di Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia, turut mengangkat panji perjuangan, bukan dengan senjata, tetapi dengan ilmu, kreativiti, dan inovasi.

Kemerdekaan bukan hanya bebas daripada penjajahan fizikal, tetapi juga merangkumi kebebasan berfikir, berkarya, dan membina identiti bangsa yang tersendiri. Di sinilah FRSB memainkan peranan yang signifikan - memartabatkan bidang rekabentuk dan senibina yang bukan sahaja moden, tetapi turut mengekalkan jati diri, warisan budaya dan nilai tempatan yang menjadi asas pembinaan negara bangsa.

Sebagai institusi akademik yang melahirkan arkitek, pereka, dan pemikir masa depan, kita menggalas tanggungjawab besar dalam membentuk persekitaran binaan yang mencerminkan roh kemerdekaan: merdeka dalam berfikir, berani mencuba, dan bijak menyesuaikan warisan dengan kehendak zaman.

Tahun ini, sambil kita memperingati jasa para pejuang kemerdekaan, kita juga merenung sejauh mana sumbangan kita dalam membina Malaysia yang lebih lestari, inklusif dan progresif. Melalui penyelidikan yang berimpak, pengajaran yang berpaksikan nilai, dan rekabentuk yang menyentuh jiwa, FRSB terus menabur bakti untuk tanah air tercinta.

"68 Tahun Merdeka: Bersama Menjulung Karya, Menyatukan Warisan, Menjana Masa Depan."

Selamat menyambut Hari Kemerdekaan ke-68 kepada seluruh warga Fakulti Rekabentuk dan Senibina, dan seluruh rakyat Malaysia. Semoga semangat ini terus menyala dalam setiap karya dan tindakan kita.

ADA APA DI KAJOETANGAN (AADK)

Dr. Suhaila Abdul Rashid

Kalau ke Kota Malang tidak lengkap jika tidak ke Kajoetangan. Persoalannya, ada apa di Kajoetangan?

Pastinya jika ditanya pada anak-anak Gen Z, jawapan yang bakal diberikan adalah lokasi *instagrammable*, kafe-kafe dan tempat-tempat menarik untuk berfoto. Tetapi sebenarnya, Kajoetangan menyimpan lebih dari estitika tetapi sejarah lampau dan budaya setempat.

Dari jalan utama, gerbang Kajoetangan *Kampoeng Heritage* jelas kelihatan dan hampir sama seperti di tempat lawatan pelancong yang lain. Melepasi gerbang, kaki menjejaki laluan kecil menghala ke sebuah pondok menjual tiket. Selepas pembayaran selesai, bukan tiket yang diberikan tetapi poskad. Ya, poskad. Unik bukan, poskad yang memaparkan rumah-rumah lama di kawasan ini. Sekiranya bayaran untuk lima pelawat, maka lima keping poskad diberikan.



Poskad dengan gambar Rumah 1870



Salah satu gerbang ke Kajoetangan.

Sepanjang lorong-lorong terdinya rumah-rumah dan kedai-kedai kecil. Ada yang menjual kuih-kuih tempatan, ada yang membuat kraf kayu secara tradisional dan yang pastinya pelbagai kedai kopi. Budaya meminum kopi adalah suatu yang unik di sini, terdapat pelbagai jenis kopi yang diketengahkan. Gunung Kawi yang merupakan salah satu gunung berapi tertua di Kota Malang mempunyai banyak kebun-kebun kopi. Kebun-kebun ini diusahakan sejak dari zaman Belanda lagi. Maka tidak hairanlah budaya minum kopi menjadi sebatian dengan orang Indonesia. Ungkapan 'kopi dulu' juga merujuk kepada gaya hidup santai di sini. Maka jika ke Indonesia, wajib dicuba pelbagai jenis kopi sama ada kopi yang diseduh atau kopi tempatan yang pekat.


Walaupun pada masa tersebut adalah permulaan cuti semester bagi universiti di sini, masih kelihatan ramai pelajar-pelajar yang memenuhi ruang kedai-kedai kopi. Dengan jumlah institusi pengajian tinggi yang banyak, kawasan seperti Kajoetangan ini menjadi tarikan bukan sahaja bagi pelancong asing tetapi pelajar tempatan sendiri. Budaya kedai kopi berkembang menjadi kafe dan banyak persaingan di kalangan pengusahanya.

Disebabkan persaingan ini, tumbuhnya pelbagai kedai kopi dengan gaya seni bina atau ruang dalaman yang menarik. Ada yang diadaptasi dan digabungkan dengan ruang atau rumah asal lama dan menjadi identiti unik di Kajoetangan.



Sungai Metro yang mengalir deras

Salah satu elemen yang menarik di sini adalah sungai yang bersih dengan arus yang deras mengalir di celah-celah kepadatan bandar. Kebanyakan kedai dan rumah dijadikan *double frontage* dengan memaksimumkan potensi sungai ini. Keunikan elemen sungai ini menjadikan ia sebagai *sense of place* atau jiwa setempat.



Menyusuri lorong-lorong kecil sambil mengamati rupa bentuk pintu utama dan binaan yang berbeza-beza. Gaya seni bina yang berbeza menunjukkan zaman dibina dan juga perubahan yang telah diolah untuk kesesuaian semasa atau kerana keperluan kerja pembaikan. Banyak rumah-rumah lama yang diubah fungsi menjadi kafe atau kedai jamu. Walaupun diubah suai, tetapi masih mempunyai jiwa atau *soul*. Kebanyakan struktur asal, gaya seni bina dan butiran dikekalkan oleh pemilik.


Sebagai contoh Kedai Kopi Rumah 1870, rumah yang dibangun pada zaman era penjajahan Belanda, masih utuh hingga kini. Rumah ini merupakan rumah tertua

di sini. Masih kelihatan tembok asal yang tebal, papan manis (fsacia board) berukir dan fasad dengan gaya seni bina unik.



Gambar pemilik asal Rumah 1870

Rumah ini masih mengekalkan seni bina asal, pengubahsuaian yang dilakukan adalah minima sekadar memenuhi keperluan fungsi semasa.



Ruang asal Kedai Kopi Rumah 1870

Tipologi rumah ini adalah sama seperti rumah kediaman lain dengan ruang separa awam dan ruang peribadi.



Papan manis di bahagian hadapan rumah

Kini, ruang bersebelahan rumah yang kecil dijadikan ruang menyeduh kopi dan membuat pesanan bagi pelanggan. Terdapat ruang loteng baharu dibina dan walaupun rumah ini kecil, ia lengkap dengan surau dan ruang dalam (courtyard). Sambil menunggu kopi disiapkan, pemiliknya yang merupakan seorang Perancang Bandar menceritakan tentang ubahsuai yang dilakukan dan juga inisiatif dari kerajaan bagi membantu komuniti di Kajoetangan. Insentif diberikan bagi baikpulih rumah dan kerja menaiktaraf ruang awam seperti lorong-lorong dan ruang poket.

Selepas menghirup kopi panas yang diseduh dan dinikmati dalam cuaca dingin, azan Maghrib mula berkumandang dari surau berdekatan.



Kopi Americano panas

Seperti kawasan lain di Kota Malang, jarak antara setiap surau sangat berdekatan antara satu sama lain. Pada bulan Julai, waktu siang beransur ke malam sangat pantas, jam 5.30 petang sudah mula gelap. Perbualan kami di kaki lima berhadapan kedai, disapa oleh beberapa Mbah yang telah siap bertelekung ke surau. Maka langkah kaki perlu diteruskan, tidak sampai 10 meter terdapat sebuah ruang poket. Dikelilingi oleh beberapa rumah yang kini menjadi kedai jamu dan kedai makan.

Salah satunya Kedai Jengki menjual minuman jamu, satu budaya yang sinonim dengan masyarakat Indonesia. Pemilik kedai ini merupakan waris asal dan mengusahakan jualan jamu. Kelihatan gambar-gambar lama yang mengimbuai kenangan digantung di dalam kedai. Perabot juga merupakan perabot lama tetapi lagu Shila Majid dimainkan di radio tetapi dinyanyikan oleh penyanyi Indonesia.




Ruang di halaman Kedai Jengki ini sangat cosy

Terdapat beberapa jenis minuman jamu di sini bergantung kepada citarasa masing-masing.



Ruang poket

Ruang poket ini menjadi ruang sosial yang unik, dikelilingi rumah-rumah dan kedai-kedai lama. Dengan suhu yang nyaman, suasananya seperti di Eropah pada musim luruh.



Siapa satu lakaran sambil menikmati suasana petang yang dingin

Jawapan kepada persoalan Ada Apa di Kajetangan adalah: di sini ada pelbagai yang dicari dari seni bina, sejarah pembangunan dari sebelum penjajahan Belanda sehingga sekarang, jiwa setempat, budaya dan keunikan alam semulajadi. Pasti ia bukan tempat atau bandar yang paling sempurna untuk dikaji atau dinikmati.

Tetapi, dalam mengembara, bukan kesempurnaan yang dicari tetapi sesuatu yang unik dan asli serta meninggalkan rasa yang berbekas di jiwa. Walaupun kadang kala ada perkara pahit yang perlu ditelan, tetapi ada saja rasa manis di hujungnya persis secangkir kopi panas di Kajetangan.

THE IMPORTANCE OF THE WOW FACTOR CONCEPT IN INDUSTRIAL DESIGN STUDY

Assoc. Prof Ts. Dr Raja Ahmad Azmeer Raja Ahmad Effendi

The concept of the "wow factor" has increasingly been recognized as a critical dimension in industrial design, particularly in the context of competitive global markets. Beyond meeting functional requirements, products today are expected to evoke emotional engagement and create memorable user experiences. In other words, the appearance and function of the product would be able to evoke users emotions such as surprise which can be related to the study by Desmet (2002) which attempted to clarify the relationship between the product appearance and the emotional responses evoked by products.




Figure 1 Book Cover - *Designing Emotions* by Pieter Desmet

The wow factor can be conceptualized as the synergy between form, function, and emotion. It can be defined as a user's spontaneous, positive reaction to a product that exceeds expectations through design aesthetics, innovation, and meaningful interaction.



Figure 2 Examples of wow factor products

While this concept is widely used in industry, it is not always integrated into design study. As industrial design programs prepare students for evolving market expectations, incorporating the wow factor into industrial design study is not just desirable, but essential. Basically, the reason why it really matters in industrial design study is, it:

incorporate emotional intelligence in design development process which educate students how to design products that creates positive emotions and experiences. Moreover, it gives numerous of advantages for industrial design students not only to their skills of designing but also having the way or idea of creating product from mere objects of utility to cultural and emotional symbols.

align with industry demands in terms of producing designers that can balance technical competence with creative vision and market awareness. By teaching students how to develop concepts that impress and resonate emotionally, design programs can produce better equipped graduates that can innovate products in competitive industries.

encourages students to explore unconventional ideas, test aesthetic novelty and experiment with new technologies. By encouraging students to design product that have wow factor concept, the process of designing will be more challenging as they need to produce novelty ideas that will hook users' attention, and this involve in-depth research as well as critical thinking process.

Finally, the wow factor is not only an essential attribute in modern industrial design education but also functioning as a bridge between technical performance and emotional experience. By making it a central theme in industrial design study, higher education institutions can empower students to become not just problem solvers, but creators of products that provides surprises as well as good user experiences.

RETHINKING ARCHITECTURE IN A POST-PANDEMIC WORLD

Ar. IDr. Nor Suhana Noordin

The pandemic reshaped how we live, work, and gather. It forced us to rethink the invisible boundaries of personal space and reconsider the rituals of hygiene we once overlooked. For architects and designers, the challenge is not just about reacting to crises, it's about shaping spaces that protect, inspire, and adapt to the rhythms of everyday life.

This feature explores three layers of change:

- Short-term fixes born from necessity.
- Mid-term shifts within our homes
- Long-term visions that could redefine our cities.

Short-Term Shifts: Design on Demand

- *Immediate Response to a pandemic outbreak*

1. Temporary Amendments to Public Areas
 - Conversion of public outdoor areas to localised community centres
2. Immediate Shelter
 - Dormitories & Shelter for high-risk groups

Mid-Term Responses

- *Changes to our perception of spaces in our daily lives*

1. Apartments as our abode
 - Ablutions @ entrances
 - The Study room as an important consideration
 - Balconies re-considered

Long Term Responses


- *Building Typologies revisited & repurposed*

1. Shopping Mall
 - Shopping Mall - Arcades to be new considerations


Short-Term Shifts: Design on Demand

When the crisis hit, cities improvised. Parking lots and small plazas, once filled with cars, became pop-up markets. These outdoor setups, naturally ventilated and socially distanced, gave local businesses a lifeline.

Modular Retail To Form Grid Layout



Current layout @ Supermarkets




Suggested layout

Inside supermarkets, aisles were reimagined. Grid-based layouts replaced traditional linear rows, guiding circulation and reducing face-to-face encounters. Much like modular seating in restaurants, these adaptable layouts offered safer, smarter movement through essential spaces.

Even greenery became a design tool. Pocket gardens and planted barriers were used in plazas and dining areas, replacing tape and markings with natural separators that provided both beauty and function.

Breaking Public Flow with Nature


- Any mass public surface shall be interlocked with pocket garden.
- During non-pandemic periods, green pockets can be placed with steps to maximise flow and to create informal seating.
- During a pandemic, steps can be removed and replaced with plants which provides natural barrier that keeps social distance without having to mark "X".
- This applies to other types of public spaces including public dining area – where alternate layout of green pockets VS dining space can be transformed to keep distanced between other seating.



Short-Term Shifts: Design on Demand

Immediate Shelter

Dormitories & Shelter for high-risk groups



How we treat migrant workers in the era of Covid-19?


Housing migrant workers in a safe and humane way is only one of many aspects of the migrant worker issue to be considered amidst this global pandemic. Apart from minimum accommodation standards, access to healthcare as well as the treatment of undocumented migrants have raised the question of a country's responsibility towards migrant workers in these times.

Access to healthcare has long been a concern for the community, but in today's context it has become absolutely critical. Health screenings, however, pose significant risks for undocumented individuals, as medical professionals are obliged to report them to the authorities. In this regard, we support calls for a temporary suspension of immigration offences during the pandemic, to encourage undocumented migrants with symptoms to step forward and receive the necessary care throughout the quarantine period.

Hygiene
issues

No social
distancing


Lack
awareness
from public
and



Mid-Term Adjustments: Our Homes as Havens

During lockdowns, homes turned into offices, schools, and gyms. This sudden shift redefined what home really means.

Balconies, often underused, became prized. They offered sunlight, fresh air, and mental relief during long days indoors. Study rooms, once optional, are now essential symbols of a permanent shift toward hybrid work and learning.



Long-Term Reimaginings: Cities of Tomorrow


The pandemic accelerated a trend already underway: the decline of traditional shopping malls. With online retail surging, the enclosed mall feels increasingly obsolete. But one historic model offers inspiration, the arcade.

The NEW ARCADE as ACTIVATORS

Having commercial retail elements spread across the New Arcades reduces or dismisses entirely the requirement for point retail and shopping malls.

In a pandemic scenario, social distancing can be applied with minimal disruption to foot movement, as patrons are not kept confined to the fixed dimensions of a traditional shopping mall, but rather can stretch outwards almost indefinitely. Monitoring and testing facilities are also facilitated more easily at strategic checkpoints and access points.

The New Arcades provides the experiential alternative equivalent of “mall culture” while maintaining a concrete destination for patrons of the arcades.



The New Arcade Vision

- Pedestrian-first circulation
- Distributed retail instead of single malls
- Integrated greenery and open air
- Flexible for distancing during health crises

The Future Is Flexible

If the pandemic revealed anything, it's this: architecture is not just about survival. It's about dignity, comfort, and connection. From bus stops that double as community hubs, to homes that welcome new rituals, to arcades that knit cities together—design is the bridge between crisis and resilience.

Architecture must now prepare us for the unexpected, while enriching our everyday lives. Because the true test of design isn't just how it responds in an emergency—it's how it helps us live better, together.

BENGKEL RANCANGAN PENGAJARAN SEMESTER PERTAMA BAGI SESI 2025/2026

JABATAN REKABENTUK PERINDUSTRIAN, FRSB

Syarifah Afiqah Syed Ahmad



BANGI, 17 September 2025 - Jabatan Reka Bentuk Perindustrian telah mengadakan Bengkel Rancangan Pengajaran Semester Pertama bagi Sesi 2025/2026 bertempat di Bangi Avenue Convention Centre pada 17 hingga 19hb September 2025. Bengkel ini merupakan program tahunan jabatan yang melibatkan perbincangan dan pembentangan dua program akademik jabatan iaitu Program Bachelo Reka Bentuk Perindustrian dengan Kepujian (BRBPdK) dan Master Inovasi Reka Bentuk Perindustrian (MIDI).

Matlamat utama program ini adalah sebagai persiapan dan penambahbaikan PdP, serta pengukuhan Rancangan Pengajaran pada semester akan datang

supaya selaras dan mengikut keperluan MQA dan seterusnya menyokong aspirasi Universiti Putra Malaysia sebagai peneraju bidang Keterjaminan Makanan.

Bengkel Rancangan Pengajaran yang telah diadakan ini dihadiri oleh seramai 18 orang pegawai akademik dan seorang staf pentadbiran Jabatan Reka Bentuk Perindustrian. Semoga dengan pelaksanaan Bengkel Rancangan Pengajaran Jabatan Reka Bentuk Perindustrian ini dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran akademik program Reka Bentuk Perindustrian agar terus kekal relevan dan berdaya saing.





LAWATAN AKADEMIK MIDI KE SABAH 2025: MASTER REKA BENTUK DAN INOVASI MENELUSURI INOVASI IDEA DAN JENAMA LOKAL

Dr. Mastura Ishak

Lawatan akademik selama lima hari ke Sabah pada 7-11 Mei 2025 telah menjadi medan pembelajaran bermakna bagi pelajar Program Master Inovasi Reka Bentuk Perindustrian (MIDI) dari Fakulti Rekabentuk dan Senibina, UPM. Dianjurkan oleh kursus MDS5702 Inovasi dan Keusahawanan dengan kerjasama MDS5101 Penjenamaan dan Pembungkusan, program ini membawa seramai 18 pelajar dan 4 pensyarah keluar daripada ruang kuliah untuk menyelami inovasi, keusahawanan dan penjenamaan secara langsung dalam konteks budaya tempatan.

Sepanjang perjalanan, pelajar diberi pendedahan terhadap warisan seni bina, seni kraf, teknik penghasilan produk tempatan serta nilai komuniti yang membentuk naratif dan identiti visual dalam reka bentuk. Mereka meneliti bagaimana inovasi boleh tercetus daripada

pemahaman mendalam terhadap sumber asli dan pengetahuan lokal. Dalam pelbagai lawatan dan sesi interaksi, pelajar menganalisis bagaimana strategi keusahawanan berkembang secara organik melalui reka bentuk perkhidmatan, pengalaman pengguna, dan pendekatan nilai. Penjenamaan pula dilihat sebagai suatu sistem komunikasi yang merangkumi kisah, budaya dan emosi — lebih daripada sekadar logo atau pembungkusan.

Pengisian lawatan bermula di *The Humble Hobbit Home* oleh B-Inspired Abode di Kundasang, yang mengetengahkan pengalaman penginapan berkonsepkan eko-pelancongan. Dalam sesi *Talk on the Hill*, pengasasnya berkongsi bagaimana idea, strategi dan empati pengguna digabungkan untuk membina jenama yang bermakna dan berdaya tahan.



Di *Desa Dairy Farm*, pelajar menyaksikan bagaimana produk tenusu diubah menjadi pengalaman agro-pelancongan. Penjenamaan produk lokal ini dizahirkan

dengan inovasi produk dan pembungkusan yang bersifat kontemporari setanding dengan jenama tenusu luar negara.



Manakala di *Sabah Tea Garden*, strategi penjenamaan berasaskan alam dan produk lokal diketengahkan untuk memperkukuh hubungan interaksi antara

produk dan nilai tempat. Pelajar diingatkan bahawa kualiti mesti seiring dengan sesuatu hasil tempatan sebagai strategi penjenamaan yang lestari.



Kunjungan ke *Sabah Creative Economy & Innovation Centre* (SCENIC) pula memperlihatkan bagaimana Sabah membangunkan ekosistem inovasi melalui perusahaan sosial dan sokongan kerajaan negeri.

Menariknya, para kearifan lokal muda (*social enterprise*) di bawah entiti ini adalah pewatak animasi *Ricky and Morty* terbitan negara Perancis!



Manakala di *Mari-Mari Cultural Village*, Pemerhatian lapangan di Pusat Besar Kraftangan Anjung Kinabalu (yang pernah dijenamakan semula dari nama 'Pasar Filipina') dan *Gaya Street*, memberi gambaran kepada pelajar untuk memainkan peranan dalam memahami kepentingan penjenamaan budaya dalam memelihara identiti dan meningkatkan daya saing produk tempatan.

Hasil pemerhatian lawatan ini membuktikan bahawa inovasi dan reka bentuk tidak berlaku secara terasing, tetapi lahir daripada kefahaman mendalam terhadap konteks dan komuniti. Sabah bukan sekadar destinasi pelancongan, sebaliknya menjadi pemangkin pembelajaran hidup, menjelaskan bahawa reka bentuk yang berakar pada nilai dan tempat mampu menjadi jambatan antara idea dan impak sebenar dalam dunia keusahawanan kreatif.



UPM RAIH KEJAYAAN MEMBANGGAKAN DI MARTABAT 2025

(36TH ARCHITECTURAL STUDENT WORKSHOP)

Ts. Dr. Nur Hidayah Ahmad (Penyelaras HEPA) & Ts. Raihan Maskuriy (Penyelaras ARCAL)

BANGI, 25 Ogos 2025 – Selama lebih tiga dekad, Architectural Student Workshop (ASW) telah menjadi platform penting dalam menyatukan pelajar seni bina dari seluruh Malaysia dan rantau serantau. Sejak penganjuran pertamanya, bengkel ini berperanan sebagai wadah untuk menghubungkan generasi muda dengan realiti dunia seni bina yang sentiasa berkembang. Tahun demi tahun, ia menjadi ruang interaktif untuk pertukaran idea, perkongsian ilmu, dan penghasilan karya kreatif yang inovatif.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk memupuk kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar seni bina melalui cabaran reka bentuk, perbincangan akademik, dan aktiviti berasaskan projek. Peserta diberi peluang mengekspresikan idea baharu, memperkenalkan pendekatan seni bina inklusif, serta menetengahkan solusi reka bentuk lestari yang berimpak sosial.

Tahun ini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjadi tuan rumah bagi 36th Architectural Student Workshop dengan membawa tema "MARTABAT".

Tema ini membawa makna yang mendalam, menekankan usaha untuk memartabatkan seni bina, warisan budaya, dan nilai kemanusiaan melalui generasi muda.

MARTABAT bukan sekadar perkataan, tetapi falsafah yang menggambarkan harga diri, maruah, dan keunggulan yang ingin dicapai oleh bakal arkitek negara. Tema ini menyeru pelajar seni bina untuk menghasilkan karya yang bukan hanya indah dan berfungsi, tetapi juga bernilai, bermakna, dan memberi kesan kepada komuniti.

Seramai 26 pelajar Jabatan Senibina, Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengharumkan nama universiti di pentas MARTABAT 36 yang berlangsung dari 23 hingga 25 Ogos 2025 di UKM. Pertandingan berprestij yang menghimpunkan mahasiswa seni bina dari seluruh negara ini menyaksikan UPM cemerlang dengan pencapaian membanggakan dalam pelbagai kategori.



Kejayaan ArchiPUTRA di MARTABAT 2025

UPM berjaya meraih pencapaian membanggakan dalam pelbagai kategori:

- **MARTABAT SILVER**
 - Naib Johan, *Best University Award (UPM)*
- **Naib Johan**
 - *Banner & Statue Design* "Perlambangan Bangsa" (RM200)
- **Naib Johan**
 - *Martabat Expression* "Filem Watan" (RM400)

- **Tempat Ketiga**
 - *Stage Performance* "Jejak Warisan, Junjung Martabat" (RM400)
- **Tempat Keempat**
 - *Installation Design* "Martabat Bangsa" (RM450)
- **Honourable Mention**
 - *Traditional Tandu Design* "Bawa Darjat"
- **Penyertaan**
 - *Fashion Design* "Pejuang Bangsa"

Kejayaan ini sekali gus menobatkan UPM sebagai antara universiti terbaik dalam mengangkat tema warisan, budaya dan identiti bangsa menerusi pelbagai medium seni bina dan persembahan kreatif.



Penghargaan kepada Pensyarah Pembimbing

Kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa sokongan tenaga pengajar yang bertindak sebagai mentor sepanjang persiapan:

- **Head of Delegation:**
 - Ts. Dr. Nur Hidayah Ahmad
- **Installation (Martabat Bangsa):**
 - Muhamad Syakir Mahadzir
- **Fashion Design (Pejuang Bangsa):**
 - Dr. Noranita Mansor
- **Banner & Statue (Perlambangan Bangsa):**
 - Ar. Dr. Athira Azmi
- **Traditional Tandu (Bawa Darjat):**
 - Ts. Mahmoud Bghdadi & Ar. IDr. Nor Suhana Noordin
